

## **TIPOLOGI KETERANCAMAN DIALEK MELAYU PATANI DI CHEPIR SIK, KEDAH**

### ***TPOLOGY AGAINST SUSTAINABILITY OF MALAY PATANI DIALECTS IN CHEPIR SIK, KEDAH***

**Wan Khairulhusna Wan Mokhtar<sup>1</sup>**

Merupakan pensyarah kontrak di Center of Liberal Arts and Languages (COLAL),  
Universiti Antarabangsa INTI, Nilai Negeri Sembilan.  
(Email: wankhairulhusna@gmail.com)

**Mohd Sharifudin Yusop<sup>2</sup>**

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.  
(Email: mosy@upm.edu.my)

**Received date:** 29-07-2019

**Revised date:** 13-08-2019

**Accepted date:** 13-11-2019

**Published date:** 05-12-2019

**To cite this document:** Mokhtar, W. K. W., & Yusop, M. S. (2019). *Tipologi Keterancaman Dialek Melayu Patani di Chepir Sik, Kedah. International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(8), 128-149.

**DOI:** 10.35631/ijhpl.280010

---

**Abstrak:** Kajian tentang keterancaman dialek minoriti di Malaysia semakin menjadi tumpuan. Begitu juga halnya yang berlaku kepada dialek Melayu Patani yang dituturkan oleh masyarakat Melayu Patani apabila turut mengalami beberapa masalah berkaitan keterancaman akibat pertembungan silang bahasa dan budaya serta pengaruh daripada bahasa luar. Keadaan ini didapati mengganggu dialek asal mereka. Jadi, penelitian terhadap dialek Melayu Patani penting bagi melihat situasi sebenar masyarakat mereka pada masa kini dan akan datang. Objektif kajian ialah menghuraikan tipologi keterancaman dialek Melayu Patani di Sik Kedah. Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah model Sasse (1992) yang mencadangkan Model Teoretikal Kematian Bahasa. Pendekatan kualitatif dan kuantitatif juga digunakan bagi memperoleh data melalui kaedah kajian lapangan yang melibatkan teknik soal selidik, rakaman, dan pemerhatian. Hasil dapatan mendapati terdapat tiga faktor penting dalam menentukan pelestarian sesuatu bahasa atau dialek iaitu faktor ibu bapa, faktor tempat tinggal dan faktor kebolehan berbahasa. Ketiga-tiga faktor ini mempunyai kelebihan yang boleh menentukan keutuhan bahasa ibunda. Selain itu, mereka juga berjaya menunjukkan sifat positif etnosentrik dan antusiasme yang tinggi dalam memartabatkan bahasa ibunda mereka. Situasi ini terbukti apabila dialek Melayu Patani masih dalam keadaan selamat walaupun terdapat pertembungan bahasa.

**Kata Kunci:** Keterancaman Bahasa, Kelestarian Bahasa, Dialek Minoriti, Masyarakat Melayu Patani, Dialek Melayu Patani

**Abstract:** *Studies on the endangered of the minority dialects in Malaysia are increasingly focused. Similarly, the Malay Patani dialect spoken by the Malay Patani community experiencing some of the problems related to confrontation due to cross-collision of language and culture as well as the influence of foreign language. This situation has been found to interfere with their original dialect. So, research on the Malay dialects of Patani is important to look at the current state of their society now and in the future. The objective of the study is to describe the typology of Malay dialect in Sik, Kedah. The theory used in this study is Sasse's (1992) model which proposes the Theoretical Model of Language Death. Qualitative and quantitative approaches are also used to obtain data through field research methods that involve questionnaire techniques, recordings, and observations. The findings shown that there are three important factors in determining the preservation of a language or dialect, namely parental factors, residence factors and language ability factors. All three of these factors have the potential to determine the language's native language. In addition, they have also been able to demonstrate the high ethnocentric and enthusiastic nature of their mother tongue. This situation is evident that the Malay Patani is still safe despite the language clashes.*

**Keywords:** *Language Endangered, Language Sustainability, Minority Dialect, Malay Patani Community, Malay Patani Dialect*

---

## **Pendahuluan**

Bahasa merupakan pencetus utama bagi sesebuah masyarakat dalam rangka menyatupadukan setiap etnik dan kaum dalam sesebuah negara. Penyatupaduan melalui bahasa bukan sahaja membantu dalam membangunkan sesebuah komuniti masyarakat malah dapat melahirkan dan menjana masyarakat yang berintelek dan berwawasan seiring dengan zaman kemodenan yang memerlukan manusia berfikir di luar kotak. Berbeza pula dengan Azman Ismail (2012) yang menyifatkan bahasa sebagai alat berfikir serta mampu untuk menjana, mengungkap dan menyampaikan semua maklumat dalam semua disiplin ilmu yang berkembang dalam masyarakat penuturnya. *Webster's Collegiate Dictionary Eleventh Edition* (2013) mendefinisikan bahasa sebagai

*“a systematic means of communicating ideas or feeling by use of conventionalized signs, sounds, gestures, or marks having understood meanings”*

Definisi bahasa oleh *Webster's Collegiate Dictionary* dalam kata lain bermaksud suatu komunikasi bersistematik yang digambarkan dengan menghasilkan simbol, bunyi, isyarat pergerakan atau ciri-ciri yang mempunyai makna yang difahami. Ringkasnya, bahasa saling berkait dengan identiti penuturnya sebagai makhluk sosial dan makhluk budaya sehingga membolehkan bahasa menjadi elemen yang terpenting dalam pembentukan peradaban manusia.

Secara realitinya, kebergantungan bahasa adalah sangat tinggi jika ada penggunaannya. Bahasa tidak akan wujud semula jika penggunaannya sudah tiada dan bahasa tidak akan mati jika penggunaannya masih menggunakannya. Isu berkaitan kematian bahasa perlu dititikberatkan terutama dalam pengkajian sarjana bahasa agar kelestarian tamadun sesebuah bangsa terus terjamin. Simon dan Charles (2017) berpendapat bahawa kematian sesuatu bahasa boleh berlaku kerana kurangnya penutur yang menuturkannya. Hal ini sudah terbukti dengan melihat jumlah kepupusan bahasa di lima benua utama di dunia yang tercatat dalam Simon dan Charles (2017). Benua yang menunjukkan kadar kepupusan paling tinggi adalah benua Amerika iaitu

sebanyak 341 bahasa, diikuti pula benua Pasifik sebanyak 204 bahasa, benua Asia dengan sejumlah 191 bahasa, seterusnya benua Afrika sebanyak 134 bahasa dan yang terakhir adalah benua Eropah dengan jumlah 50 bahasa. Keadaan ini memberi kesedaran bahawa sesuatu bahasa yang tidak dilestari maka akan berlaku kematian.

Jika dilihat dalam konteks Malaysia, bahasa yang selalu terdedah kepada kepupusan adalah bahasa minoriti. Sebagai contoh, bahasa minoriti yang semakin terancam termasuklah bahasa Orang Asli di Semenanjung Tanah Melayu. Menurut Ruslan Uthai (2011), situasi ini juga berlaku kepada masyarakat Melayu Patani yang turut mengalami perubahan kerana berlakunya pengaruh dari bahasa luar akibat pertembungan bahasa dalam masyarakat yang pelbagai.

Bagi menyelesaikan isu kepunahan dan keterancamannya sesuatu bahasa atau dialek, pengkajian harus dijalankan terutama kepada bahasa atau dialek minoriti yang terdapat di Malaysia. Seperti kajian terhadap DMP ini, penting untuk mengenal pasti status dialek dan menentukan jangka hayat dialek tersebut dalam era globalisasi ini. Memandangkan bahasa atau dialek melambangkan sesuatu kelompok masyarakat, maka perlu ada pengkajian seperti ini untuk mengelak daripada dialek ini pupus seperti bahasa Kristang di Melaka serta bahasa Seru, Lelak, Kejaman dan Miriek di Sarawak.

### **Latar Belakang Kampung Chepir Sik, Kedah**

Sik merupakan daerah yang terletak dalam negeri Kedah, Malaysia. Keluasan daerah Sik adalah 1635 km persegi iaitu 17.35% dari keluasan negeri Kedah. Daerah ini merupakan daerah yang paling luas dalam Kedah dan bersempadan dengan daerah Padang Terap di sebelah barat laut, negara Thailand di sebelah utara, daerah Baling di sebelah selatan, daerah Kuala Muda di sebelah barat daya dan daerah Pendang di sebelah barat.

Menurut Encik Ruslan iaitu Ketua Kampung Bukit Chepir, sejarah perkataan 'Chepir' ini bermula dengan datangnya satu keluarga yang menjumpai ceper iaitu sejenis alat seperti dulang atau piring berhampiran dengan bukit kecil dan seterusnya mereka mengambil keputusan untuk tinggal di situ dan menamakan kampung tersebut sebagai Kampung Bukit Chepir dan sekaligus menamakan daerah tersebut sebagai Chepir. Daerah Chepir ini mempunyai beberapa kampung kecil di dalamnya seperti Kampung Bukit Chepir, Kampung Chepir, Kampung Lalang, Kampung Jelutong, Kampung Jering, Kampung Bunga, Kampung Charok Puyuh, Kampung Charok Sireh, Kampung Belimbing, dan Kampung Dulang.

Setiap kampung tidak mempunyai persempadanan bagi membezakan satu kampung dengan kampung yang lain. Mereka hidup berkelompok dan penempatan adalah berdekatan. Setiap kampung mempunyai anggaran penduduk antara 150 sehingga ke 300 orang. Daerah Chepir terletak 20 kilometer dari pekan Jeniang dan 6.7 kilometer dari pekan Sik. Penduduk kampung tersebut adalah orang Melayu Patani namun mereka lebih mahu dikenali sebagai Orang Ulu dan dialek yang dituturkan disebut sebagai dialek atau bahasa Ulu. Kegiatan ekonomi penduduk setempat adalah menoreh getah, membuat bendang dan menangkap ikan.

### **Objektif dan Penyataan Masalah**

Kajian rintis hasil dapatan informan mendapati fenomena silang budaya dalam masyarakat Melayu Patani sangat membimbangkan dan hal ini telah mengganggu bahasa atau dialek asal masyarakat ini. Jadi, amat penting untuk mengekalkan bahasa ibunda supaya dapat membezakan masyarakat Melayu Patani dengan sesuatu bangsa, kaum, dan etnik yang lain.

Golongan masyarakat ini sedang mengalami perubahan dari segi penguasaan dialek Melayu Patani seterusnya (DMP) akibat daripada percampuran bahasa, pengalihan bahasa, peminjaman bahasa, dan gangguan bahasa. Fenomena silang budaya ini berlaku disebabkan oleh penghijrahan yang berlaku dari wilayah Selatan Thai ke utara semenanjung Malaysia dan sebaliknya. Kesan daripada percampuran bahasa, pengalihan bahasa, peminjaman bahasa, gangguan bahasa yang berlaku melalui perkahwinan campur dan penghijrahan boleh menyebabkan berlakunya keterancaman bahasa Melayu Patani dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat misalnya dalam kekeluargaan, keagamaan, kejiwaan dan lain-lain.

Perubahan terhadap dialek atau bahasa ibunda berlaku jika penutur natif sesuatu masyarakat berhijrah ke tempat lain atas sebab-sebab tertentu misalnya, perkahwinan campur, pergolakan politik, berlaku bencana alam di negara asal mereka dan lain-lain. Kenyataan ini turut diperkatakan oleh Abdul Rashid Daing Melebek dan Amat Juhari Moain (2012) yang berpendapat bahawa dialek boleh berlaku perubahan disebabkan empat faktor iaitu dialek yang terpisah dari segi keadaan muka bumi, terpisah dari segi zaman, pengaruh luar yang berlainan, dan pengalaman yang berlainan sebagai contoh di pantai timur ada musim tengkujuh sedangkan di pantai barat tiada. Hal ini demikian terjadi kepada masyarakat Melayu Patani yang menggunakan DMP sebagai bahasa pertuturan mereka sehari-harian.

Selain itu, sesuatu bahasa atau dialek yang menjadi ancaman akibat hilangnya penutur natif juga boleh mati dan pupus. Hal ini terbukti dengan melihat sejarah bahasa asli dan peribumi di dunia telah hilang dan sedang mengalami kepupusan akibat penutur natif yang tidak mengamalkannya. Khairunesa Isa (2014) memberikan contoh tiga bahasa yang sudah pupus kerana tidak mempunyai penutur asli iaitu bahasa Latin yang berasal dari Latium, daerah di Itali, bahasa Sumeria di daerah yang kini dikenali sebagai Iraq, dan bahasa Galia yang dahulunya pernah dituturkan di daerah yang di kenali sebagai Perancis. Crystal (2000) menjangkakan bahawa setiap dua minggu, terdapat satu bahasa yang akan mati akibat dari kematian penutur terakhir bahasa tersebut. Jika hal ini berlaku kepada penutur natif masyarakat Melayu Patani, tidak mustahil bahasa minoriti ini lama kelamaan akan hilang dan mati juga seperti bahasa-bahasa terdahulu.

Kesan daripada permasalahan tersebut maka objektif kajian dihasilkan. Objektif bagi kajian ini ialah menghuraikan tipologi keterancaman dialek Melayu Patani di Sik, Kedah.

### **Sorotan Karya**

Terdapat banyak kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji bahasa melibatkan kajian berkaitan keterancaman dan kepupusan bahasa antaranya adalah Mohd Sharifudin Yusop (2007), Zainal Abiddin Masleh (2011), Nur Faaizah Md Adam (2014), Shantrol Abdullah (2016), Sa'adiah Ma'alip dan Rahilah Omar (2017), Noor Saadah Salleh (2018), dan Sa'adiah Ma'alip (2019).

Mohd Sharifudin Yusop (2007) meneliti kajian berkaitan kepupusan dan kelestarian bahasa berkaitan dua jenis dialek Orang Asli iaitu dialek Duano dan dialek Kanaq kerana mempunyai populasi penduduk yang sedikit iaitu sebanyak 87 orang sahaja. Hasil kajian menunjukkan bahawa dialek Duano hanya digunakan sekali sekali oleh penutur generasi tua manakala dialek Kanaq pula, semua penduduk masih memahami dan menggunakan dialek tersebut. Namun demikian, kosa kata dialek itu sudah banyak dipengaruhi oleh bahasa Melayu dan jika keadaan ini berterusan dan tidak diawasi, dialek Kanaq akan segera hilang keasliannya. Kajian ini telah dapat memastikan bahawa dialek Duano dan dialek Kanaq sedang mengalami pengusangan dan

berasa dalam keadaan nazak. Kedua-duanya akan pupus dalam tempoh waktu yang terdekat jika tiada sebarang langkah pemuliharaan dilakukan. Kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian yang dilakukan oleh Nur Faaizah Md Adam (2014) dan Noor Saadah Salleh (2018) yang menggunakan sampel kajian orang Asli bagi mengkaji pelestarian dan kepupusan bahasa disebabkan populasinya yang juga sedikit.

Nur Faaizah Md Adam (2014) mengkaji masyarakat orang Asli Jahut yang mempunyai penutur yang kecil dan menimbulkan kebimbangan daripada sudut bahasa memandangkan wujudnya proses dominasi bahasa utama, khususnya bahasa Melayu. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa bahasa Jahut di Kampung Pian, Kuala Krau Pahang tidak akan pupus dalam waktu terdekat. Pemilihan bahasa melalui mandala kekeluargaan dan kemasyarakatan menunjukkan masyarakat Jahut masih melestarikan bahasa ibunda mereka dengan baik. Golongan tua dan dewasa dilihat masih lagi boleh bertahan dan mewariskan bahasa ibunda mereka kepada golongan muda. Hasil pemerhatian juga menunjukkan golongan muda tidak berasa malu bertutur dalam bahasa ibunda mereka. Semua kelompok umur juga telah menunjukkan sikap yang positif terhadap bahasa ibunda mereka dan menggunakan bahasa ibunda dalam kehidupan harian. Hasil dapatan daripada kedua-dua kajian berkaitan orang Asli tersebut menunjukkan perbezaan kerana masyarakat Asli Duano dan Kanaq, kajian oleh Mohd Sharifudin Yusop (2007) menunjukkan dialek Duano dan Dialek Kanaq sedang mengalami pengusangan dan berada dalam keadaan nazak jika tiada langkah pemuliharaan. Dialek Jahut yang dikaji Nur Faaizah Md Adam (2014) pula tidak akan mengalami kepupusan dalam waktu terdekat.

Sementara itu, Noor Saadah Salleh (2018) juga meneliti tentang kepupusan bahasa iaitu bahasa minoriti orang Asli Kentaq di Perak dengan jumlah penutur seramai 212 orang sahaja. Beliau juga turut mengkaji pemilihan bahasa dalam masyarakat Kentaq bagi mengetahui status kelestarian bahasa tersebut dengan menggunakan tujuh domain yang terdiri daripada domain kekeluargaan, domain kejuruan, domain kemasyarakatan, domain keagamaan, pendidikan, domain ekonomi, dan domain perkhidmatan. Berdasarkan tujuh domain tersebut, domain yang paling tinggi dalam pemilihan bahasa Kentaq adalah domain keagamaan. Orang Asli Kentaq memilih 100% bertutur dalam bahasa Kentaq dalam setiap aktiviti yang terdapat dalam domain keagamaan seperti ketika berdoa, berbual dalam majlis keagamaan, ketika kematian, dan sebutan istilah peralatan keagamaan. Bahasa Melayu menjadi pilihan orang Asli Kentaq apabila memerlukan mereka bertutur dengan masyarakat Melayu. Isu status bahasa yang melibatkan 61 orang responden yang berumur antara 6 hingga 70 tahun menunjukkan bahawa status bahasa Kentaq akan kekal lestari dan tidak akan pupus kerana bahasa ini berada pada Gred 4 iaitu kesetaraan multilingual dan masih dituturkan dalam kebanyakan fungsi domain sosial. Walaupun sampel kajian-kajian tersebut berlainan namun fokus kajian adalah sama iaitu meneliti tahap kelestarian dan kepupusan bahasa masyarakat Asli minoriti di Malaysia.

Sementara itu, kajian yang dijalankan oleh Sa'adiyah Ma'alip dan Rahilah Omar (2017) berkaitan bahasa kristang iaitu bahasa ibunda bagi masyarakat Portugis pula menunjukkan adanya fenomena kepupusan bahasa yang bakal melanda jika tiada usaha pengekalan bahasa tersebut. Kajian yang tertumpu di kawasan perkampungan di Ujong Pasir, Melaka ini menyelidik tentang komunikasi antara generasi dan mendapati generasi muda sudah kurang aktif menggunakan bahasa kristang walaupun dalam domain rumah atau keluarga. Hal ini kerana dipengaruhi oleh bahasa yang dominan dan mempunyai nilai ekonomi yang tinggi. Fenomena kepupusan dan keterancaman bahasa ini juga berlaku kepada masyarakat kreol di Melaka iaitu masyarakat Baba-Nyonya, Portugis dan Chetti yang turut dikaji oleh Sa'adiyah Ma'alip (2019). Kajian yang meneliti situasi bahasa dan tahap keterancaman bahasa masyarakat

Kreol ini mendapati ketiga-tiga masyarakat kreol di Melaka semakin terancam disebabkan oleh masyarakat bahasa lebih mengutamakan bahasa Inggeris berbanding bahasa ibunda mereka. Situasi ini akan semakin tenat jika tiada usaha dalam melestarikan bahasa ibunda mereka dan sekaligus merugikan penutur bahasa itu sendiri.

Selain itu, Zainal Abiddin Masleh (2011) juga turut menjalankan kajian tentang kepupusan dan pelestarian bahasa minoriti terpencil iaitu bahasa Bhuket dan bahasa Lahanan di Sungai Asap, Belaga. Kedua-dua etnik ini merupakan subetnik bangsa Kajang yang hanya terdapat di daerah Belaga, Sarawak dan responden Bhuket seramai 120 orang manakala responden Lahanan seramai 180 orang. Pendekatan etnolinguistik dan kerangka teori domain atau mandala digunakan bagi menjelaskan tahap kepupusan dan sikap penutur kedua-dua etnik yang dikajinya. Hasil kajian mendapati, daripada lapan mandala yang digunakan, mandala sendiri dan mandala keluarga merupakan mandala yang sangat berpengaruh dalam memastikan kelestarian bahasa Bhuket dan bahasa Lahanan. Rumusannya, kajian yang menggunakan mandala bagi melihat sikap dan pemilihan bahasa adalah sangat relevan. Hasil dapatan mendapati kedua-dua tersebut berjaya melestarikan bahasa walaupun berada dalam komuniti yang dominan dalam rumah panjang. Tinggal berkelompok dalam lingkaran rumah panjang telah menjadikan bahasa mereka kebal daripada segala pengaruh bahasa lain.

Berbeza pula kajian yang dijalankan oleh seorang lagi sarjana bahasa iaitu Shantrol Abdullah (2016) yang turut memfokuskan kepada isu yang sama iaitu pelestarian dan kepupusan bahasa. Bahasa yang dikaji adalah bahasa minoriti, Vaie di Sarawak dan hasil analisis memperlihatkan bahawa masyarakat Vaie tidak konsisten memilih bahasa mereka apabila berkomunikasi. Hal ini sangat berbeza hasil analisisnya daripada kajian Zainal Abiddin Masleh (2011) yang menunjukkan tanda positif bagi kedua-dua etnik Bhuket dan Lahanan yang dikaji. Kedua-dua kajian ini mempunyai perbezaan yang ketara dari segi pemilihan bahasa setiap etnik. Di samping mengkaji pemilihan bahasa dan kajian tentang tahap kelestarian sesuatu bahasa, tahap keterancaman dialek minoriti juga seringkali menjadi isu seperti kajian yang dilakukan terhadap masyarakat Melayu Patani di Sik Kedah. Pengkaji ingin membuktikan bahawa dialek ini boleh kekal lestari dan yakin kajian ini sangat perlu dikaji untuk mengelakkan daripada berlaku keciciran terhadap dialek sebagai salah satu warisan bangsa.

### **Metodologi Kajian**

Dalam sesebuah penyelidikan, pendekatan kualitatif dan pendekatan kuantitatif digunakan bagi mendapat kesahan dan kebolehpercayaan. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kedua-dua jenis pendekatan tersebut dalam bentuk peratusan bagi mendapatkan kesahan terhadap penilaian sikap penutur. Penyelidikan yang dijalankan memerlukan penglibatan secara langsung dengan masyarakat yang dikaji di samping mengambil tahu segala kegiatan sosial yang berlaku di sekeliling mereka.

Teknik rakaman yang digunakan dalam bentuk audio video membantu dalam mendapatkan kesahan data yang tepat sebagai bahan rujukan dan bukti. Selain itu, teknik pemerhatian, temu bual, dan soal selidik terhadap informan dan responden signifikan dalam mendapatkan keaslian tentang bahasa dan sejarah bangsa serta ketepatan data. Populasi kajian adalah seramai 150 orang yang terdiri daripada masyarakat Melayu Patani yang menetap di Chepir, Kedah.

Lucy Ruth, Muhadjir, Lauder (2007) menjelaskan tipologi bahasa meneliti klasifikasi bahasa berdasarkan kesamaan ciri-ciri yang terdapat dalam sesebuah bahasa dan bahasa-bahasa lain yang mempunyai sejumlah ciri-ciri yang sama dikelompokkan dalam kumpulan bahasa yang

sama. Secara khususnya, seseorang yang menyelidiki aspek tipologi akan meneliti perbezaan-perbezaan dalam bahasa manusia sebagai usaha untuk memahami batas-batas bahasa tersebut.

Holmes (1995) dalam kajiannya, menggunakan tiga penanda sosial iaitu umur, jantina dan kelas sosial. Namun, Zainal Abiddin Masleh (2011), menambah beberapa penanda sosial dalam kajiannya iaitu latar kawasan dan status sosial bagi memantapkan kajiannya. Oleh itu, pengkaji akan menggunakan penanda-penanda sosial seperti umur, jantina, latar kawasan dan status sosial merangkumi taraf pendidikan, taraf perkahwinan, dan pekerjaan dalam kajian. Teori atau model Sasse (1992) yang mencadangkan Model Teoretikal Kematian Bahasa akan digunakan bagi menghuraikan tipologi keterancaman DMP. Teori atau Model Sasse ini telah dikembangkan oleh Mohd Sharifudin Yusop (2007) dalam kajian dialek Duano dan dialek Kanaq serta Zainal Abiddin Masleh (2011) dalam kajian bahasa Bhuket dan Lahanan.

Pengkaji menggunakan sembilan aspek demografi yang akan dianalisis dengan mengambil kira kedua-dua kelompok masyarakat yang terdiri daripada jantina, status, keturunan ibu dan bapa, kumpulan umur, tempat lahir, tempat tinggal, pendidikan, pekerjaan, dan kebolehan berbahasa DMP. Chambers dan Trudgill (1990) menjelaskan status sosial seperti pendidikan, pekerjaan, pendapatan, dan tempat tinggal merupakan indeks yang penting dalam pengkajian bahasa. Salah satu usaha pengkaji untuk memantapkan dan memperoleh data serta keputusan yang tepat tentang pelestarian sesuatu bahasa adalah dengan melakukan analisis tipologi keterancaman bahasa ini. Maklumat demografi penutur sangat penting untuk memperlihatkan situasi kehidupan penutur masyarakat Melayu Patani di kedua-dua lokasi kajian terhadap bahasa mereka. Setiap data akan dihuraikan dengan jelas berdasarkan sembilan angkubah yang seterusnya membawa kepada dapatan akhir.

Teori Sasse (1992) yang mencadangkan Model Teoretikal Kematian Bahasa akan digunakan dalam kajian ini seperti dalam Jadual 1.0;

**Jadual 1.0: Model Teoretikal Kematian bahasa Sasse (1992)**

<b>Bil.</b>	<b>Angkubah sosial</b>	<b>Persoalan-Persoalan</b>
1.	Faktor luaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Data sejarah</li> <li>ii. Tidak seimbang kekuatan pengaruh di antara bahasa-bahasa.</li> <li>iii. Tekanan yang dihadapi oleh kumpulan bahasa minoriti.</li> <li>iv. Sikap negatif terhadap bahasa minoriti.</li> <li>v. Pengabaian bahasa minoriti</li> </ul>
2.	Tingkah laku bahasa	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pemilihan bahasa berdasarkan mandala.</li> <li>ii. Isu penguasaan bahasa kedua.</li> <li>iii. Isu pewarisan bahasa kepada generasi baharu.</li> </ul>
3.	Konsekuensi Struktural	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kehilangan leksikon</li> <li>ii. Kegagalan mencipta istilah untuk kegunaan dalam mandala baharu.</li> <li>iii. Peminjaman leksikon.</li> <li>iv. Penganjakan kepada bahasa dominan.</li> <li>v. Kehilangan ciri-ciri linguistik.</li> </ul>

Tujuan utama Teori atau Model Sasse (1992) ini adalah untuk menjelaskan pengaruh faktor demografi terhadap tahap kelestarian sesuatu bahasa dan ia terbahagi kepada tiga angkubah sosial iaitu faktor luaran, tingkah laku bahasa, dan konsekuensi struktural. Faktor luaran terdiri daripada beberapa soalan asas yang ditanyakan kepada informan-informan tentang data sejarah kampung mereka berkaitan asal usul nama kampung, penghijrahan dan pergolakan yang berlaku dalam komuniti minoriti masyarakat mereka dari zaman dahulu sehingga sekarang. Selain itu, antara persoalan lain adalah tentang keseimbangan pengaruh dan kekuatan bahasa-bahasa luar yang bersaing dalam kelompok masyarakat di samping berlaku pelbagai tekanan yang terpaksa di tanggung oleh masyarakat bahasa minoriti. Sikap bahasa sama ada positif atau negatif masyarakat penutur asli terhadap bahasa ibunda juga turut ditanyakan kepada responden dan juga pengabaian bahasa minoriti akibat percampuran bahasa dan penghijrahan yang berlaku.

Angkubah sosial kedua iaitu tingkah laku bahasa pula boleh dikenal pasti dengan melihat sikap bahasa iaitu pemilihan bahasa berdasarkan mandala-mandala yang berkaitan dan yang mempengaruhi latar kehidupan mereka khususnya. Pemilihan bahasa melalui mandala tertentu sangat penting untuk difahami kerana daripada pemilihan bahasa oleh responden tersebut maka pengkaji dapat menilai dan mengenal pasti akan keupayaan sesuatu bahasa tersebut sama ada mempunyai jangka hayat yang panjang atau sebaliknya. Persoalan tentang isu penguasaan bahasa kedua juga turut dititikberatkan kepada responden supaya dapat menyedari akan kemampuan sesuatu bahasa minoriti walaupun berlaku pelbagai situasi yang tidak boleh dihalang seperti faktor pekerjaan, faktor ekonomi dan sebagainya. Isu pewarisan bahasa kepada generasi baru juga turut menjadi tumpuan kerana daripada persoalan tersebut, maka dapat diketahui akan jangka hayat yang berlaku kepada bahasa minoriti itu pada masa akan datang. Ternyata persoalan yang berkaitan dengan tingkah laku ini sudah terangkum dalam soal selidik tentang pemilihan bahasa berdasarkan mandala-mandala yang berkaitan.

Angkubah sosial yang terakhir iaitu konsekuensi struktural pula akan membincangkan tentang persoalan berkaitan ciri-ciri linguistik bahasa minoriti tersebut yang merangkumi lima persoalan yang saling berkait. Kelima-lima persoalan ini memberikan satu petanda bahawa jika berlaku kehilangan leksikon, peminjaman leksikon yang terlalu banyak dari pengaruh bahasa luar, kegagalan mencipta istilah untuk kegunaan dalam mandala baharu, penganjakan kepada bahasa dominan dan kehilangan ciri-ciri linguistik, ini menunjukkan bahawa bahasa minoriti akan mengalami satu perubahan negatif yang menjurus kepada kematian dan kepupusan bahasa tersebut.

Model Teoretikal Kematian Bahasa oleh Sasse (1992) sangat signifikan untuk diguna pakai terutama dalam kajian yang melibatkan bahasa atau dialek yang mempunyai penutur yang sedikit jumlahnya bagi mengetahui akan keselamatan dan tahap keterancamannya sesuatu bahasa tersebut sama ada ianya menuju kepada kepupusan mahupun kelestarian.

## **Analisis Dan Perbincangan**

### ***Tipologi Keterancamannya Dialek Melayu Patani di Kedah***

Maklumat yang diperoleh dari 150 orang responden di Sik, Kedah adalah mengenai latar belakang responden dan parameter sosial yang membawa kesan terhadap tingkah laku bahasa mereka. Latar belakang responden sangat penting dan ianya dipilih berdasarkan pemerhatian terhadap corak kehidupan masyarakat Melayu Patani tersebut. Terdapat 9 angkubah yang dianalisis terdiri daripada jantina, status, keturunan ibu dan bapa, kumpulan umur, tempat lahir



dan tempat tinggal, pendidikan, pekerjaan dan kebolehan berbahasa. Beberapa pengkaji lepas seperti King (1989) dan Mougén dan Beniák (1989) pernah menggunakan angkuhah-angkuhah yang sama seperti ini untuk meneliti tahap keterancaman bahasa dan seterusnya meramal akan masa depan bahasa tersebut. Teori atau Model Sasse (1992) yang mencadangkan Model Teoretikal Kematian Bahasa akan digunakan bagi menjelaskan pengaruh faktor demografi terhadap tahap kelestarian DMP di samping mengetahui akan keselamatan dan tahap keterancaman DMP sama ada kekal terlestari atau menuju kepupusan. Jadual 1.1 menunjukkan maklumat demografi yang lengkap dengan peratusan bagi keseluruhannya.

**Jadual 1.1 Profil responden masyarakat Melayu Patani di Sik, Kedah**

<b>Bil.</b>	<b>Responden</b>	<b>Jumlah responden</b>	<b>Peratus (%)</b>
1.	Jantina i) Lelaki ii) Perempuan	78 orang 72 orang	52% 48%
2.	Status i) Bujang ii) Kahwin iii) Janda / duda	69 orang 68 orang 13 orang	46% 45.3% 8.7%
3.	Keturunan Ibu i) Melayu ii) Bukan Melayu	147 orang 3 orang	98 % 2 %
4.	Keturunan Bapa i) Melayu ii) Bukan Melayu	143 orang 7 orang	95.3 % 4.7 %
5.	Kumpulan Umur i) 6-19 tahun ii) 20- 39 tahun iii) 40-69 tahun iv) 70 tahun ke atas	47 orang 37 orang 43 orang 23 orang	31.3% 24.7% 28.7% 17.3%
6.	Tempat lahir i) Sik ii) Alor Setar iii) Seberang Jaya iv) Ipoh v) Kelantan vi) Kulim vii) Pulau Pinang viii) Perak ix) Pahang x) Kuala Ketil xi) Yan xii) Bukit Mertajam	107 orang 9 orang 2 orang 3 orang 1 orang 2 orang 1 orang 1 orang 1 orang 1 orang 4 orang 2 orang 1 orang	71.3 % 6 % 1.3% 2 % 0.7 % 1.3 % 0.7% 0.7 % 0.7 % 0.7 % 2.6 % 1.3 % 0.7 %

	xiii) Pendang xiv) Jeniang xv) Baling xvi) Sungai Petani xvii) Sarawak xviii) Jawa Barat Indonesia xix) Myanmar xx) Terengganu xxi) Johor xxii) Kuala Kedah	3 orang 1 orang 1 orang 3 orang 1 orang 3 orang 1 orang 1 orang 1 orang 1 orang	2 % 0.7 % 0.7 % 2 % 0.7 % 2 % 0.7 % 0.7 % 0.7 %
7.	Tempat tinggal i) Kampung Bukit Chepir ii) Kampung Chepir iii) Kampung Lalang iv) Kampung Jelutong v) Kampung Jering vi) Kampung Bunga vii) Kampung Charok Puyuh viii) Kampung Belimbing ix) Kampung Charok Sireh x) Kampung Dulang xi) Kampung Padang Keras	58 orang 14 orang 19 orang 21 orang 13 orang 7 orang 6 orang 2 orang 6 orang 2 orang 2 orang	38.7 % 9.3 % 12.7 % 14 % 8.7 % 4.7 % 4 % 1.3 % 4 % 1.3 % 1.3 %
8.	Pendidikan i) Tidak bersekolah ii) Sekolah rendah iii) Sekolah menengah iv) IPTA / IPTS	27 orang 39 orang 69 orang 15 orang	18 % 26 % 46 % 10 %
9.	Pekerjaan i) Kerja sendiri ii) Kerja kerajaan iii) Kerja swasta iv) Tidak bekerja / suri rumah	42 orang 15 orang 11 orang 82 orang	28 % 10 % 7.3 % 54.7 %
10.	Kebolehan berbahasa i) Fasih ii) Kurang fasih iii) Tidak tahu	146 orang 2 orang 2 orang	97.4 % 1.3 % 1.3 %

### ***Jantina***

Tujuan angkuabah jantina dipilih untuk menjelaskan kelestarian sesuatu bahasa atau dialek. Ianya sangat penting terutama apabila mengetahui keputusan dan dapatan yang diperoleh

setelah kajian dijalankan. Hal ini seiring dengan kenyataan dari Romaine (1989) yang berpendapat bahawa angkuabah jantina merupakan salah satu aspek yang penting apabila menyelidiki status sesuatu bahasa.

Jadual 1.1 menunjukkan responden lelaki adalah seramai 78 orang dan peratusannya adalah 52% manakala responden perempuan seramai 72 orang dengan kadar peratusan sebanyak 48%. Kadar bilangan bagi kedua-duanya agak setara walaupun tidak seimbang. Ketika kajian dijalankan, pengkaji mendapat pertolongan daripada beberapa informan yang terdiri daripada Ketua Kampung Kampung Bukit Chepir, Encik Abdul Rahman Awang Ahmad dibantu pula oleh beberapa informan lain seperti Encik Rusran, Puan Mejlah Abdul Rahman, Puan Bibi Aishah, Puan Rozita Saad dan Encik Zainuddin Adenan. Kesemua informan ini sangat membantu dalam mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan pengkaji seperti maklumat asal usul kampung, dan maklumat berkaitan borang soal selidik.

Pengkaji sangat berpuas hati dengan maklumat-maklumat yang diperolehi daripada responden lelaki dan responden perempuan kerana rata-ratanya sudah biasa menerima pelawat luar yang datang masuk ke kampung dan melakukan temu bual dan soal selidik. Sikap responden lelaki dan perempuan yang mudah mesra dan senang didekati ini melancarkan proses pengkajian. Menurut Zainal Abiddin Masleh (2011) responden perempuan memiliki kekebalan dan keaslian dalam menuturkan sesuatu bahasa jika dibandingkan dengan responden lelaki. Pengkaji bersetuju dengan kenyataan tersebut kerana kaum perempuan masyarakat Melayu Patani di Sik, Kedah kebanyakannya jarang keluar dari kawasan Chepir dan mereka lebih selesa berniaga di kawasan kampung dan bekerja berdekatan dengan kawasan tempat tinggal mereka. Hal ini kerana kawasan Chepir itu merupakan kawasan pedalaman yang jauh kira-kira 15 kilometer dari Pekan Sik dan 85 kilometer dari ibu negeri Kedah, Alor Setar.

Pengkaji merumuskan bahawa, angkuabah jantina ini tidak menjejaskan kelestarian DMP kerana faktor petempatannya di kawasan pedalaman malah akan kekal terlestari kerana sikap mereka yang tidak mahu keluar dari kelompoknya dan dialeknya akan kekal terjamin.

### *Status*

Berdasarkan jadual 4.35 di atas, seramai 69 orang adalah bujang dengan kadar peratusan sebanyak 46%, manakala 68 orang adalah berkahwin dan peratusannya adalah sebanyak 45.3%. Bakinya iaitu seramai 13 orang adalah janda atau duda yang diwakili peratusan sebanyak 8.7%. Status seseorang berubah apabila berlaku ikatan perkahwinan dalam sesebuah hubungan dan kesannya akan melibatkan pengaruh yang sangat besar kepada sesuatu bahasa. Hal ini turut juga diperkatakan oleh Mohd Sharifudin Yusop (2007) iaitu proses pewarisan bahasa kepada generasi akan datang boleh terjejas melalui perkahwinan yang datang dari pelbagai kaum.

Dalam konteks masyarakat Melayu Patani di Chepir Sik, perkahwinan campur memang wujud tetapi dalam kuantiti yang sedikit. Daripada 68 orang responden yang berkahwin, hanya 18 orang responden sahaja yang terlibat dengan perkahwinan campur dan jumlah peratusannya adalah sangat sedikit iaitu sebanyak 12% sahaja. Hal ini dapat dijelaskan dengan merujuk jadual 1.2 tersebut.

**Jadual 1.2: Taburan Responden Yang Berkahwin Campur Di Chepir Sik Kedah**

<b>Bil.</b>	<b>Kelompok Umur (MPK)</b>	<b>Responden Yang Berkahwin</b>	<b>Responden Yang Berkahwin Campur</b>
1.	(MPK 2) 20-39 tahun	15 (22.1 %)	3 (16.7%)
2.	(MPK 3) 40-69 tahun	41 (60.3%)	13 (72.2%)
3.	(MPK 4) 70 tahun dan ke atas	12 (17.6%)	2 (11%)

Daripada jadual 1.2 di atas, jelas menunjukkan bahawa 68 orang responden yang berkahwin dan daripada jumlah tersebut, hanya 15 orang responden terdiri daripada kelompok MPK 2 yang berumur antara 20 sehingga 39 tahun dan daripada 15 perkahwinan tersebut hanya 3 responden yang berkahwin campur. Seterusnya kelompok MPK 3 pula, jumlah responden yang berkahwin adalah paling tinggi berbanding kelompok umur yang lain iaitu sebanyak 41 orang responden dan daripadanya, terdapat 13 perkahwinan campur yang berlaku dalam masyarakat Melayu Patani di Chepir Sik Kedah. Kelompok umur MPK 4 merupakan kelompok umur yang paling sedikit berkahwin iaitu seramai 12 orang responden sahaja dan 2 daripadanya adalah perkahwinan campur.

Dalam kelompok umur MPK 2, tiga perkahwinan campur berlaku dan satu daripadanya adalah responden yang berasal dari Sarawak dan dua daripadanya adalah responden dari Pulau Pinang dan Kedah yang berkahwin dengan orang Melayu Patani di Chepir. Bagi kelompok MPK 3 pula, enam orang responden merupakan orang luar yang datang berhijrah dan berkahwin dengan masyarakat Melayu Patani dan mereka terdiri daripada responden dari Myanmar, Pulau Pinang, Terengganu, Perak dan Johor manakala selebihnya iaitu seramai tujuh responden lagi berkahwin dengan orang Kedah yang tinggal agak jauh dari kawasan Chepir. Kelompok terakhir iaitu MPK 4 yang mempunyai 2 responden yang berkahwin campur merupakan orang Kedah yang berhijrah dan berkahwin dengan masyarakat Melayu Patani.

Berdasarkan pemerhatian dan temu bual, pengkaji mendapati kebanyakan responden yang datang dari luar Chepir iaitu di Kedah yang berhijrah dan berkahwin dengan orang Melayu Patani, kesemuanya kurang fasih berbahasa DMP, dalam erti kata lain boleh bertutur tetapi tidak fasih tetapi memahaminya apabila berinteraksi. Namun ada juga daripada responden tersebut yang sudah fasih menggunakan DMP kerana faktor masa yang agak lama bermastautin di Chepir kerana perkahwinan campur. Hal ini menunjukkan bahawa, faktor masa boleh menyebabkan seseorang yang tidak langsung tahu bertutur DMP boleh bertutur dengan fasih. Kesimpulannya, status perkahwinan yang berlaku dalam masyarakat Melayu Patani di Chepir akan kekal terlestari kerana faktor sikap positif daripada responden-responden yang sangat menghormati dan menjaga kepentingan warisan bahasa dari nenek moyang mereka lagi.

#### ***Keturunan Ibu dan Bapa***

Norizah Ardi (2005) berpendapat bahawa ibu bapa merupakan pencetus kepada sikap etnosentrik iaitu perasaan untuk mengekalkan identiti bangsa dan mencintai bangsa dan bahasa mereka serta identiti diri kepunyaan ibu bapa atau nenek moyang mereka. Galakkan sepenuhnya dari ibu bapa menjadikan anak-anak taat dan bersikap positif dalam mempelajari sesuatu bahasa atau dialek. Jadi, pentingnya keturunan ibu bapa dalam mengekalkan DMP di Chepir Sik, Kedah.

**Jadual 1.3 Taburan Keturunan Ibu Bapa Responden Chepir Sik Kedah**

<b>Bil.</b>	<b>Bangsa</b>	<b>Keturunan Ibu</b>	<b>Peratus</b>	<b>Keturunan Bapa</b>	<b>Peratus</b>
1.	Melayu Patani	147	97.9%	143	95.3%
2.	Burma	1	0.7%	1	0.7%
3.	Indonesia Jawa Barat	1	0.7%	3	2%
4.	Siam	-	-	3	2%
5.	Cina	1	0.7%	-	-

Jadual 1.3 menunjukkan bahawa jumlah yang sangat tinggi bagi ibu yang berketurunan Melayu Patani iaitu sebanyak 147 orang responden yang mewakili 97.9% manakala bakinya iaitu dengan masing-masing seorang sahaja responden dengan peratusan kecil iaitu 0.7% sahaja. Keturunan ibu memberikan persepsi bahawa mereka lebih senang memilih pasangan dari kelompok mereka berbanding orang luar dalam menjaga keturunan warisan mereka. Wujudnya tiga perkahwinan campur dari pelbagai bangsa iaitu Burma, Indonesia Jawa Barat dan Cina. Namun, dua responden yang ibunya berketurunan Jawa Indonesia dan Cina masing-masing fasih bertutur menggunakan DMP dan ini menunjukkan bahawa angkuh keturunan tidak dapat menjejaskan keteguhan DMP di Chepir Sik.

Keadaan ini juga turut berlaku terhadap keturunan bapa. Dalam jadual 1.3 di atas, didapati responden yang paling tinggi adalah bapa yang berketurunan Melayu Patani dengan jumlah responden seramai 143 orang dengan peratus sebanyak 95.3%, diikuti pula dengan tiga responden berketurunan Siam dan tiga responden yang berketurunan Jawa Indonesia dan seorang daripada Burma. Dengan kadar peratusan yang tinggi sebanyak 95.3%, menunjukkan bahawa kaum bapa lebih tertarik mencari pasangan hidup dari kelompok masyarakat yang sama juga. Mohd Sharifudin Yusop (2007) menyatakan bahawa keturunan bapa adalah elemen yang signifikan dalam menstrukturkan warisan budaya kerana dikatakan bahawa orang Melayu meletakkan keturunan bapa sebagai ketua dan tunggak dalam sesebuah keluarga mahupun masyarakat. Situasi ini menunjukkan bahawa keturunan bapa dan kuasanya sebagai pencetus dalam pemilihan bahasa seisi keluarga sangat berkait rapat dengan kelestarian DMP.

Namun begitu, berbeza pula dengan kes ini iaitu di mana responden yang bapanya berketurunan Siam dan berketurunan Jawa Indonesia, masing-masing sangat fasih menuturkan DMP. Kefasihan mereka menuturkan DMP sangat mengujakan pengkaji. Hal ini kerana mereka dikelilingi masyarakat yang menuturkan DMP dan oleh sebab itu mereka perlu belajar dan ianya lama kelamaan menjadi kebiasaan apabila hendak menuturkan sesuatu perkara. Keselesaan menuturkan DMP menunjukkan bahawa DMP akan kekal digunakan oleh semua masyarakat Melayu Patani terutamanya yang berhijrah ke luar dan tidak dilupakan begitu sahaja.

### ***Kumpulan Umur***

Proses pengelompokan umur merupakan salah satu cara untuk menerangkan pelestarian sesuatu bahasa atau dialek. Pengelompokan ini dilakukan berdasarkan kerangka yang telah digunakan sebelum ini oleh Grimes (2000) dan pengelasan umur juga turut dicadangkan oleh beliau dan dibahagikan kepada empat kelompok iaitu kelompok yang pertama kelompok umur 6 hingga 19 tahun (MPK1), kelompok kedua pula adalah kelompok 20 hingga 39 tahun (MPK2), kelompok ketiga adalah kelompok 40 hingga 69 tahun (MPK3) dan kelompok terakhir adalah kelompok umur 70 tahun dan ke atas (MPK4). Jadual 1.4 tersebut merupakan taburan kumpulan umur bagi responden di Chepir Sik, Kedah.

**Jadual 1.4 Taburan Kumpulan Umur Responden Chepir Sik Kedah**

<b>Bil.</b>	<b>Umur</b>	<b>Kumpulan</b>	<b>Bilangan Responden</b>	<b>Jantina</b>
1.	6-19 tahun	MPK 1	47 (31.3%)	L – 28 P – 19
2.	20- 39 tahun	MPK 2	37 (24.7%)	L – 20 P – 17
3.	40 – 69 tahun	MPK 3	43 (28.7%)	L – 20 P – 23
4.	70 tahun dan ke atas	MPK 4	23 (15.3%)	L – 10 P - 13

Kelompok MPK 1 adalah responden paling muda yang masih bersekolah dan melanjutkan pelajaran dengan bilangan responden seramai 47 orang responden daripada 150 orang dengan peratus sebanyak 31.3%. Dalam kelompok umur ini, pengkaji mendapati hampir kesemua responden fasih dan boleh bertutur serta memahami DMP. Walaupun mereka banyak terdedah dengan kepelbagaian bahasa terutamanya bahasa Melayu apabila berada dalam sesi persekolahan, mereka masih tetap mempertahankan bahasa ibunda khususnya apabila berinteraksi sesama mereka. Pengaruh terhadap DMP sangat kuat kerana asuhan dari ibu bapa yang dipupuk sejak kecil lagi dan faktor ini yang menjadikan DMP kekal terlestari kerana sikap positif dari setiap responden yang ditemu bual.

MPK 2-pula adalah golongan pertengahan yang terdiri dari belia yang berumur 20 hingga 39 tahun dan jumlah responden adalah seramai 37 orang mewakili 24.7%. Dalam kelompok ini, responden adalah terdiri dari pelajar yang menyambung pengajian ke tahap yang lebih tinggi, responden yang sudah bekerja dan juga tidak bekerja. Boleh dikatakan bahawa dalam kelompok ini, responden-responden masih dalam peringkat percubaan untuk melakukan sesuatu yang diinginkan maka proses yang berlaku memungkinkan mereka membawa pengaruh bahasa luar masuk ke dalam komuniti masyarakat Melayu Patani di Chepir Sik Kedah. Terdapat ramai responden yang ditemu bual merupakan orang luar yang berhijrah masuk ke Chepir sama ada melalui pekerjaan atau perkahwinan. Ada di antara mereka yang memahami DMP walaupun tidak boleh menuturkan kembali dan yang paling mengujakan ada juga yang fasih menuturkan DMP walaupun bukan berasal dari Melayu Patani. Ini menunjukkan bahawa DMP mempunyai keunikan dari segi dialeknya yang membuatkan responden-responden tersebut selesa dan yakin menuturkannya.

Kelompok MPK3 adalah terdiri dari golongan-golongan dewasa yang berumur antara 40 hingga 69 tahun. Jumlah responden bagi kelompok MPK 3 ialah 43 bersamaan dengan 28.7%.

Kebanyakan daripada responden kelompok ini bekerja sendiri untuk menampung keluarga dan begitu juga dengan kaum wanitanya. Responden yang menjadi suri rumah juga agak ramai ditemu bual kerana mudah untuk dicari. Dari pemerhatian pengkaji, responden-responden yang menjadi suri rumah merupakan golongan yang paling tidak terdedah dengan bahasa luar. Kepercayaan dan kecintaan mereka terhadap bahasa ibunda menjadikan DMP begitu kuat sekali. Hampir kesemua responden-responden tersebut fasih bertutur dalam DMP.

Kelompok yang tidak terpengaruh dan tidak terdedah dengan arus globalisasi dan mobiliti merupakan kelompok MPK4 yang terdiri dari umur 70 tahun dan ke atas. Seramai 23 orang responden sahaja yang berjaya diperoleh pengkaji dengan peratus sebanyak 15.3%. Kelompok umur ini merupakan kelompok umur yang paling setia mempertahankan DMP kerana mereka sangat menjaga pewarisan bahasa dan budaya turun temurun dari nenek moyang. Peranan golongan ini sangat signifikan dalam memberikan tunjuk ajar kepada keluarga-keluarga besar mereka agar sentiasa menjaga pewarisan bahasa budaya agar tidak hilang begitu sahaja. Sebagai generasi yang lama hidup, mereka juga dijadikan ketua dan contoh ikutan kepada generasi-generasi muda. Jadi, pentingnya untuk memupuk semangat cintakan bahasa ibunda dan sikap positif terhadap bahasa atau dialek yang merupakan aset untuk pengekalan DMP supaya ianya tidak lenyap di telan dek zaman.

### *Tempat Lahir*

**Jadual 1.5 Taburan Tempat Lahir Responden**

<b>Bil.</b>	<b>Tempat Lahir</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus</b>
1.	Sik	107	71.3%
2.	Alor Setar	9	6%
3.	Jeniang	1	0.7%
4.	Sungai Petani	3	2%
5.	Kulim	2	1.3%
6.	Kuala Kedah	1	0.7%
7.	Baling	1	0.7%
8.	Kuala Ketil	4	2.6%
9.	Yan	2	1.3%
10.	Pendang	3	2%
11.	Pulau Pinang	4	2.6%
12.	Pahang	1	0.7%
13.	Kelantan	1	0.7%
14.	Sarawak	1	0.7%
15.	Jawa Barat Indonesia	3	2%
16.	Myanmar	1	0.7%
17.	Terengganu	1	0.7%
18.	Johor	1	0.7%
19.	Perak	4	2.6%

Sik merupakan kawasan utama yang menjadi tempat tumpuan kajian pengkaji dan seramai 107 orang responden adalah dilahirkan di kawasan tersebut dengan peratus yang paling tinggi iaitu sebanyak 71.3%, diikuti pula dengan 6% responden yang dilahirkan di Alor Setar, 2.6% dilahirkan di Kuala Ketil, Perak dan Pulau Pinang. Seterusnya, 2% responden yang dilahirkan

di Sungai Petani, Pendang dan Jawa Barat dan masing-masing 1.3% yang mewakili dua orang responden adalah dilahirkan di Kulim dan Yan. Bakinya iaitu 0.7% yang mewakili seorang responden adalah dilahirkan di Jeniang, Kuala Kedah, Baling, Pahang, Kelantan, Sarawak, Myanmar, Terengganu, dan Johor.

Didapati seramai 17 orang responden dilahirkan di luar kawasan Kedah manakala responden yang dilahirkan di luar daerah Sik tetapi masih menetap dalam negeri Kedah adalah seramai 26 orang. Responden-responden ini adalah dipengaruhi oleh faktor pekerjaan, perkahwinan campur dan penghijrahan mengikut ibu bapa. Pengkaji mendapati walaupun responden-responden tersebut dilahirkan di luar kawasan Sik, namun ada di antara mereka yang sudah fasih dan boleh menggunakan DMP seperti masyarakat Melayu Patani. Hal ini kerana, terdapat beberapa responden yang dilahirkan di luar tetapi mereka sebenarnya menetap di Sik kerana mengikut ibu bapa dan kebanyakan adalah terdiri daripada responden kelompok MPK1. Ini menunjukkan bahawa, faktor tempat kelahiran tidak membawa kepada ancaman terhadap DMP di Chepir.

### ***Tempat Tinggal***

Daerah Chepir di Sik merupakan pertempatan yang agak pedalaman dihuni oleh masyarakat Melayu Patani di Kedah. Daerah ini mempunyai beberapa kampung kecil di dalamnya yang mana kampung-kampung tersebut tidak mempunyai persempadanan antara setiap kampung dengan kampung yang lain. Meskipun mereka tinggal berjiran dalam kelompok yang sama, mereka dibezakan oleh nama kampung di dalamnya dan kebanyakan penghuni bagi setiap kampung adalah dalam lingkungan 150 sehingga ke 200 orang. Jadual berikut merupakan taburan tempat tinggal responden di daerah Chepir.

**Jadual 1.6 Taburan Tempat Tinggal Responden**

<b>Bil.</b>	<b>Tempat Tinggal</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus</b>
1.	Kampung Bukit Chepir	58 orang	38.7 %
2.	Kampung Chepir	14 Orang	9.3 %
3.	Kampung Lalang	19 orang	12.7 %
4.	Kampung Jelutong	21 orang	14 %
5.	Kampung Jering	13 orang	8.7 %
6.	Kampung Bunga	7 orang	4.7 %
7.	Kampung Charok Puyuh	6 orang	4 %
8.	Kampung Belimbing	2 orang	1.3 %
9.	Kampung Charok Sireh	6 orang	4 %
10.	Kampung Dulang	2 orang	1.3 %

Terdapat 10 buah kampung yang didiami oleh responden dalam daerah Chepir yang terdiri daripada Kampung Bukit Chepir sebanyak 38.7%, Kampung Jelutong 14%, Kampung Lalang 12.7%, Kampung Chepir 9.3%, Kampung Jering 8.7%, Kampung Bunga 4.7%, Kampung Charok Puyuh 4%, Kampung Charok Sireh 4%, Kampung Belimbing dan Kampung Dulang masing-masing mewakili 1.3% responden. Kesemua kampung adalah bersebelahan antara satu dengan yang lain. Hal ini menunjukkan bahawa komuniti masyarakat Melayu Patani yang tinggal di pedalaman daerah Chepir ini hidup berkelompok dan kurang terdedah dengan



masyarakat luar. Kebergantungan hidup dalam lingkungan kelompok di Chepir sangat tinggi kerana kemudahan awam seperti surau, masjid, sekolah rendah dan sekolah menengah, klinik kesihatan dan hospital adalah berhampiran dan mereka tidak perlu untuk ke bandar untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut.

Oleh yang demikian, pengkaji yakin bahawa faktor tempat tinggal sangat penting dalam melestarikan bahasa ibunda masyarakat Melayu Patani di Chepir kerana kehidupan berkelompok ini berjaya membentuk budaya dan dialek bahasa mereka. Hal ini juga ditegaskan oleh Glazer (1966) yang menyatakan bahawa sesuatu bahasa sama ada bahasa minoriti atau bahasa dominan dapat dilestari berdasarkan faktor geografi dan faktor kebudayaan. Di samping itu, budaya dan bahasa akan kekal terpelihara dengan pengaruh yang kuat dari setiap individu yang berpegang teguh dengan budaya bangsa dan bahasa nenek moyang mereka.

### ***Pendidikan***

Pendidikan merupakan aset terpenting bagi seseorang individu bagi mendapatkan peluang pekerjaan yang baik. Penilaian terhadap taraf pendidikan seseorang menunjukkan bahawa sesuatu masyarakat atau bangsa diuji kehebatan dan kemajuannya berdasarkan perkara tersebut. Berikut merupakan taburan taraf pendidikan responden masyarakat Melayu Patani di Chepir.

**Jadual 1.7 Taburan Taraf Pendidikan**

<b>Bil.</b>	<b>Taraf Pendidikan</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus</b>
1.	Tidak bersekolah	27 orang	18 %
2.	Sekolah rendah	39 orang	26 %
3.	Sekolah menengah	69 orang	46 %
4.	IPTA / IPTS	15 orang	10 %

Berdasarkan jadual tersebut, didapati responden yang tidak bersekolah adalah seramai 27 orang yang mewakili 18% daripada keseluruhannya. Responden yang tidak bersekolah terdiri dari 3 orang dari MPK1, seorang dari MPK2, 6 orang dari MPK3, dan 17 orang terdiri dari MPK4. Bagi responden yang tidak bersekolah dalam kelompok MPK1, mereka adalah terdiri daripada anak jati masyarakat Melayu Patani yang berhenti belajar ketika di tingkatan 4 dan tingkatan 5 dan bekerja sendiri kerana membantu ekonomi keluarga. Berbeza pula dengan responden yang tidak bersekolah dalam MPK2, MPK3, dan MPK4 yang tidak pernah menerima sistem pendidikan secara formal di sekolah. Hal ini memberikan satu impak positif berlaku kepada DMP di Chepir, Kedah.

Seterusnya responden yang bersekolah rendah adalah seramai 39 orang yang diwakili peratusan sebanyak 26%. Dalam kelompok MPK1, responden yang masih bersekolah dan berada dalam sekolah rendah adalah seramai 20 orang dan mereka bersekolah di Sekolah Kebangsaan Chepir. Pengkaji mendapati, walaupun di sekolah mereka menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, mereka tetap selesa menggunakan DMP ketika berkomunikasi dengan kawan-kawan.

Seramai 19 orang responden pula adalah terdiri daripada mereka yang hanya belajar dan berhenti ketika di sekolah rendah. Terdapat dua orang responden yang bersekolah rendah adalah

dalam kelompok MPK2, 11 orang dalam kelompok MPK3, dan 6 orang dalam kelompok MPK4. Tiga kelompok ini hanya bersekolah setakat sekolah rendah sahaja kerana kekangan dari segi wang ringgit untuk meneruskan persekolahan di samping membantu menambahkan ekonomi keluarga yang hidup dalam kedaifan. Selain itu, faktor persekitaran juga mempengaruhi mereka untuk tidak menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi kerana kurangnya pendedahan dalam bidang pendidikan pada ketika itu. Tanggapan negatif tersebut memberikan mereka satu keyakinan bahawa walaupun mereka tidak menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, mereka mampu bekerja dan mendapat wang untuk menyara kehidupan mereka kelak.

Seramai 69 orang responden yang mewakili peratusan sebanyak 46% merupakan responden yang mempunyai pendidikan sehingga ke sekolah menengah. Kebanyakan daripada mereka berjaya menamatkan persekolahan sehingga ke Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), kemudiannya bekerja dan ada daripadanya menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi iaitu Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), dan Institut Pengajian Guru Malaysia (IPGM). Walaupun mereka adalah masyarakat minoriti di Malaysia, keupayaan mereka untuk belajar lebih tinggi di IPTA, IPTS, dan IPGM sangat menyerlah. Hal ini dapat dibuktikan dengan melihat seramai 15 orang responden diwakili peratusan sebanyak 10% yang berjaya menyambung pengajian pada peringkat diploma dan ijazah. Dua orang yang terdiri daripada kelompok MPK1 masih menyambung pengajian manakala 13 orang lagi merupakan bekas penuntut di Institut Pengajian Tinggi dan kini bekerja dalam bidang masing-masing antaranya ialah guru, jururawat, kerani, pegawai kerajaan dan bekerja sendiri. Walaupun kehidupan mereka terdedah dengan masyarakat luar, sikap kekentalan mereka yang menebal terhadap DMP tidak berubah dan mereka masih fasih menuturkan DMP.

Rumusannya, melalui tahap pendidikan DMP boleh kekal terlestari kerana kekuatan dalaman yang ada dalam diri selain ibu bapa yang menjadi pemangkin supaya mereka tidak lupa akan asal usul bangsa, budaya dan dialek yang dituturkan. Secara keseluruhannya, masyarakat Melayu Patani menggunakan DMP apabila bertutur sesama mereka dan perubahan dari segi kod akan berlaku apabila bertutur dengan orang luar.

### ***Pekerjaan***

Pekerjaan merupakan satu titik permulaan bagi seseorang individu untuk meneruskan kehidupan dengan menambah sumber pendapatan di samping mengukuhkan ekonomi. Dengan bekerja, seseorang telah mendedahkan dirinya dengan persekitaran yang meluas tanpa ada sekatan dan ini turut mempengaruhi bahasa atau dialek seseorang individu.

**Jadual 1.8 Taburan Pekerjaan Responden**

<b>Bil.</b>	<b>Pekerjaan Responden</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus</b>
1.	Kerja sendiri	42 orang	41 %
2.	Kerja kerajaan	15 orang	15 %
3.	Kerja swasta	12 orang	12 %
4.	Tidak bekerja / suri rumah	33 orang	32 %

Jadual menunjukkan taburan pekerjaan responden masyarakat Melayu Patani di Chepir Kedah seramai 102 orang responden. Seramai 42 orang responden yang mewakili peratusan sebanyak 41% adalah bekerja sendiri iaitu sebagai peniaga kedai runcit, pembantu kedai, pengusaha kedai makan, tukang masak, pengusaha kedai telefon, buruh kasar, kontraktor, pengusaha stesen minyak kecil, pekerja kontrak serta mengambil upah melakukan kerja-kerja kampung seperti menebas dan memesin rumput, menoreh getah, bercucuk tanam serta membuat bendang. Pekerjaan sebegini menjadi identiti mereka berdasarkan latar masyarakat dan persekitaran yang hidup dalam kelompok masyarakat yang tinggal di kawasan pendalaman. Mereka selesai melakukan pekerjaan yang tidak memerlukan mereka keluar dari lingkungan kelompok masyarakat tersebut dan seterusnya memberikan satu petanda bahawa DMP mempunyai masa depan yang cerah pada masa akan datang.

Responden yang bekerja dalam sektor kerajaan iaitu seperti guru, polis, bomba, jururawat, dan pegawai kerajaan menunjukkan peratusan sebanyak 15% manakala responden yang bekerja dalam sektor swasta seperti pekerja Tesco, pengawal keselamatan, pekerja kilang, dan kerani adalah sebanyak 12%. Ada di antara responden yang bekerja dalam sektor ini merupakan orang luar yang masuk ke Chepir kerana berkahwin dengan masyarakat Melayu Patani dan ada juga yang berpindah dan berhijrah kerana ditukarkan ke cawangan Sik. Walaupun berlaku pertembungan dengan pelbagai bahasa terutama BM, DMP tidak menunjukkan berlakunya penyisihan kerana dialek ini sangat mudah difahami oleh kebanyakan orang dan jika ada responden yang tidak fasih berbahasa sekalipun, mereka tetap boleh memahami apa yang diperkatakan kepada mereka. Sikap mereka yang menghargai bahasa ibunda ini memberikan impak bahawa dialek ini akan kekal terlestari pada masa akan datang.

Bagi responden yang tidak bekerja dan hanya menjadi suri rumah pula menunjukkan peratusan yang agak tinggi iaitu sebanyak 32% mewakili 33 orang responden. Responden kelompok ini memperlihatkan satu dimensi yang lain bagi DMP. Responden-responden ini yang tidak terdedah dengan masyarakat luar memberikan satu dimensi bahawa DMP di Chepir kekal terjamin kerana tidak berlaku pergerakan dan hanya berlaku dalam kelompok masyarakat mereka sahaja.

### ***Kebolehan Berbahasa***

Daripada maklumat yang diperolehi melalui aspek kebolehan berbahasa, pengkaji dapat melihat sejauh mana kemampuan responden menggunakan DMP serta bahasa yang menjadi gangguan dalam usaha mempertahankan bahasa ibunda mereka. Pengkaji menggunakan empat tahap kebolehan berbahasa yang dipetik daripada sarjana sebelum ini iaitu Mohd Sharifuddin Yusop (2001) yang menyatakan bahawa kebolehan berbahasa ini dibahagikan kepada empat tahap iaitu fasih, kurang fasih, tidak fasih, dan tidak tahu. Fasih bermaksud responden mampu berbual dengan lancar, kurang fasih pula bermaksud responden mampu memahami tetapi tidak mampu berbual dengan lancar, manakala tidak fasih pula bermaksud mampu memahami dan mampu menyebut beberapa perkataan sahaja dan yang keempat adalah tidak tahu yang bermaksud tidak memahami dan tidak mampu menyebut perkataan-perkataan.

**Jadual 1.9 Tahap Kebolehan Berbahasa Responden**

<b>Bil.</b>	<b>Kebolehan Berbahasa</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus</b>
1.	Fasih	126 orang	84 %
2.	Kurang fasih	11 orang	7.3 %
3.	Tidak fasih	9 orang	6 %
4.	Tidak tahu	4 orang	2.7 %

Jadual 1.9 memperlihatkan tahap kebolehan berbahasa responden masyarakat Melayu Patani di Chepir yang fasih dengan peratus tertinggi sebanyak 84%. Responden yang fasih melibatkan keempat-empat kelompok golongan umur yang kuat mempertahankan dan menyanjung bahasa ibunda mereka. Keupayaan bertutur dengan lancar memperlihatkan dimensi bahawa DMP akan terus kekal lestari selagi penutur natif masih mahu menggunakannya. Anderson (1974) menyatakan sikap kebahasaan yang positif iaitu sifat antusiasme terhadap penggunaan bahasa atau dialek dalam kelompok masyarakat penutur perlu ada dalam jiwa penutur natif bagi pengekalan sesuatu bahasa yang dituturkan.

Seterusnya, responden yang kurang fasih menunjukkan peratus sebanyak 7.3% manakala responden yang tidak fasih adalah sebanyak 6%. Responden tersebut adalah terdiri daripada orang luar yang berkahwin campur dengan masyarakat Melayu Patani dan kemudiannya tinggal bersama di Chepir dan mereka mula belajar dan memahami dialek sedikit demi sedikit. Selain itu, ada juga responden yang tinggal di Chepir kerana berhijrah disebabkan bekerja di kawasan yang berdekatan. Bagi responden yang tidak tahu bertutur DMP, mereka merupakan orang luar yang tinggal jauh dari Kedah dan berasal dari Myanmar, Terengganu, Johor dan Sarawak. Pengkaji mendapati bahasa dan dialek dari empat kawasan tersebut adalah sangat berbeza, jadi agak susah bagi responden tersebut untuk mempelajarinya memandangkan mereka tidak pernah mendengar dialek tersebut. Berbeza bagi orang luar yang hanya tinggal berdekatan Kedah, mereka masih mampu memahami dan menuturkan DMP walaupun memerlukan masa yang lama untuk menguasai DMP secara keseluruhannya.

### **Kesimpulan**

Hasil analisis tersebut dapat dirumuskan bahawa angkubah-angkubah yang dikenal pasti mempunyai kekuatan dan faktor penting dalam menentukan pelestarian sesuatu bahasa atau dialek adalah faktor ibu bapa, faktor tempat tinggal dan faktor kebolehan berbahasa. Ketiga-tiga faktor ini mempunyai kelebihan masing-masing yang boleh menentukan keutuhan bahasa ibunda. Namun, peranan dan pengaruh enam angkubah yang lain juga sangat signifikan kerana saling berkait rapat dan ianya turut memberi kesan jangka panjang terhadap pelestarian DMP.

Faktor pertama yang menjadi penentu terpenting kepada pelestarian bahasa atau dialek adalah faktor ibu bapa. Ibu bapa diumpamakan seperti ketua yang mengawal segala pemilihan bahasa dalam keluarga dan pendedahan awal bahasa di peringkat kanak-kanak memberi cukup masa untuk mereka menentukan corak dan pemilihan bahasa yang selesa dengan diri mereka apabila meningkat usia kelak. Situasi ini menunjukkan bahawa sifat etnosentrik yang dipupuk kepada anak-anak mereka berjaya dilaksanakan dan akhirnya bahasa ibunda mereka boleh berdiri dengan sendiri seiring dialek minoriti yang lain.

Seterusnya iaitu faktor kedua adalah faktor tempat tinggal yang sangat membantu kepada proses pemilihan bahasa dalam kalangan penutur aslinya. Faktor ini sangat dominan berbanding faktor lain kerana petempatan yang didiami masyarakat Melayu Patani sekarang merupakan petempatan berkelompok dan jauh pedalaman dari petempatan luar. Situasi ini lebih menguatkan DMP untuk terus kekal utuh dan lestari tanpa sebarang pertembungan dialek dan bahasa dari luar.

Faktor ketiga pula adalah faktor kebolehan berbahasa. Faktor ini penting kerana berkait rapat dengan sifat peribadi mereka yang positif dalam pemilihan bahasa yang digunakan setiap hari. Berdasarkan kajian, walaupun tidak semua responden fasih menuturkan DMP, tetapi sifat

positif yang ditunjukkan oleh mereka terhadap DMP sangat mengagumkan. Mereka sangat menghormati bahasa ibunda mereka kerana DMP merupakan bahasa asal turun temurun nenek moyang mereka. Walaupun sesetengah daripadanya tidak fasih, tapi mereka masih mampu memahami dan menuturkan kembali walaupun tidak lancar. Responden ini juga terdiri daripada mereka yang multilingual yang boleh mengubah dan menukar kod apabila berinteraksi berdasarkan situasi, lokasi, dan dialek yang berbeza. Ketiga-tiga faktor yang dinyatakan tersebut adalah sangat ketara dalam penentuan pelestarian DMP. Kenyataan dari Schiffman (1999) berjaya menyimpulkan empat faktor yang boleh menentukan kekuatan sesuatu bahasa atau dialek iaitu;

- i. Golongan minoriti perlu memilih petempatan yang lebih jauh sedikit daripada arus perdana masyarakat bahasa majoriti.
- ii. Perlu tinggal secara berkelompok.
- iii. Sentiasa menjalinkan hubungan langsung dengan kelompok komuniti yang tinggal berdekatan ataupun yang mempunyai jalinan kekeluargaan.
- iv. Penubuhan institusi pendidikan sendiri yang menggunakan bahasa ibunda dan akhirnya mereka juga perlu mengamalkan terus agama dan sistem kepercayaan.

### Rujukan

- Abdul Rashid Daing Melebek & Amat Juhari Moain. (2012). *Sosiolinguistik dan Bahasa Melayu*. Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anderson, A. Edmund. (1974). *Language Attitudes, Belief, Values: A Study Linguistic Cognitive Frameworks*. A Dissertation of Georgetown University: Washington D.C.
- Azman Ismail. (2012). MBMMBI Perkasakan Bahasa Melayu. dlm. *Dewan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.12(3), 16-19.
- Chambers, J.K dan Trudgill. (1990). *Dialektologi*. Diterjemah oleh Annuar Ayub. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Crystal, D. (2000). *Language Death*. Great Britain: Cambridge University Press.
- Glazer, Nathan. (1966). The Process and Problems of Language Maintenance: An Intergrative Review, in Joshua Fishman, (ed.) *Language Loyalty in the United States*. Mouton, The Hague, pp. 358-368.
- Grimes, Barbara F. Ed. (2000). *Ethnologue Languages of the World*. Dallas: Summer Institute of Linguistics, Inc.
- King, R. (1989). "On The Social Meaning of Linguistic Variability in Language Death Situation: Variation in Newfoundland French" in Nancy C, Dorian (ed), *Investigating Obsolescence*, 139-148, Cambridge: Cambridge University Press.
- Khairunesa Isa. (2014). Pengurusan dan Pelestarian Bahasa Peribumi Sarawak. *Majalah Peribumi Melestarikan Bahasa dan Sastera Etnik Sawarak*, 2 (2). 6-9.
- Lucy Ruth Montolalu, Muhadjir, Multamia RMT Lauder. (1997). dlm. *Pesona Bahasa: Langkah Awal Memahami Linguistik*. Penerbit Pt Gramedia Pustaka Utama: Jakarta.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2007). *Keusangan Bahasa Orang Melayu Proto: Kajian Sosiologi Bahasa Terhadap Dialek Duano dan Dialek Kanaq di Johor*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia: Selangor.
- Mougen, R & E. Beniak. (1989). "Language Contraction and Linguistic Change: The Case of Welland French", in N. Dorian (ed), *Investigating Obsolescence: Studies in Language Contraction and Death*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Merriam-Webster (2013). *Collegiate Dictionary Eleventh Edition*. An Encyclopaedia Britannica Company.
- Noor Saadah Salleh. (2018). *Status Kelestarian Bahasa Minoriti Kentaq*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia. Selangor.

- Norizah Ardi. (2005). *Sikap Terhadap Bahasa Melayu dan Penggunaannya di kalangan Pelajar Universiti di Selatan Thailand*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Nur Faaizah Md Adam. (2014). *Pelestarian Bahasa Suku Kaum Jahut dari Aspek Fonologi dan Leksikal*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia. Selangor.
- Ruslan Uthai. (2011). *Keistimewaan Dialek Melayu Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Romaine, S. (1989). *Bilingualism*. Oxford: Basil Blackwell.
- Sa'adiah Ma'alip. (2019). Tahap Keterancaman Bahasa Masyarakat Kreol di Melaka dlm. *Akademika (Special Issue)*. 109-123
- Sa'adiah Ma'alip dan Rahilah Omar. (2017). Penggunaan Kristang sebagai Bahasa Komunikasi dalam Kalangan Masyarakat Portugis di Melayu dlm. *Jurnal Melayu*. Vol. 16, Isu Khas Disember, 419-435.
- Schiffman, Harold F, (1999). *A Reference Grammar of Spoken Tamil*. Cambridge, UK: Cambridge University Press.
- Sasse, Hans-Jurgen (1992). Theory of Language Death: Language Decay and Contact-Induced Change. Similarities and difference. dlm. Brenzinger, M (pnyt). *Language Death; Factual and Theoretical exploration with Special Reference to East Africa*. Berlin and New York: Mouton de Gruyter.
- Shantrol Abdullah. (2016). *Etnolinguistik Bahasa Vaie di Sarawak, Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia. Selangor.
- Simons, Gary F. And Charles D. Fennig (eds). (2017). *Ethnologue: Languages of the World, Twenty-first edition*. Dallas, Texas: SIL International. Online version. Retrieved from <http://www.ethnologue.com>
- Zainal Abiddin Masleh. (2011). *Kajian Etnolinguistik Terhadap Kelestarian Bahasa Bhuket dan Bahasa Lahanan di Daerah Belaga, Sarawak*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia. Selangor.